



**UCAPAN YAS DATO' MAHADI BIN MD ALI
TIMBALAN KETUA PENGARAH (OPERASI)
JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA**

**SEMPENA
LAWATAN KERJA KE PANGKALAN UDARA
BOMBA
BERTAM, PULAU PINANG**

**PADA
4 November 2014 (Selasa)**

**MASA
10.30 pagi**

**TEMPAT
Pangkalan Unit Udara Bertam**

بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ
السَّلَامُ عَلَیْكُمْ وَرَحْمَةُ اللّٰهِ وَبَرَکَاتُهُ

Selamat pagi, salam sejahtera dan Salam 1
Malaysia,

Yang Berusaha Saudara Pengacara Majlis

PKPjB Yunos bin Abu Hassan

Penolong Ketua Pengarah,

Bahagian Udara

Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia

PPjB Azmi bin Ismail

Pegawai Pemerintah,

Pangkalan Udara Bomba Bertam Pulau Pinang

Mejar Zulfikri bin Yahya TUDM

Pegawai Pemerintah,

Pangkalan Udara Bomba Subang

**Pegawai-Pegawai Kanan Unit Udara Jabatan
Bomba dan Penyelamat Malaysia**

Serta warga Unit Udara Bomba yang saya hormati sekalian.

1. Terlebih dahulu marilah kita memanjatkan kesyukuran kehadiran Allah S.W.T. kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya dapat kita bersama-sama berkumpul pada pagi yang berbahagia ini. Terima kasih saya ucapkan kepada Warga Pangkalan Udara Bertam diatas majlis yang diadakan bagi memberi peluang kepada saya untuk hadir bersama-sama dengan tuan-tuan dalam majlis ramah mesra apatah lagi saya yang akan bersara dalam masa terdekat. Majlis ini juga sekaligus meraikan semua warga Unit Udara Jabatan Bomba tidak kiralah yang baru memasuki unit Udara mahupun yang telah lama atau pun 'otai' dalam Unit Udara Bomba.

Orang-orang lama sememangnya mempunyai banyak pengalaman, banyak perkara yang boleh diceritakan. Pegawai-pegawai yang baru berjumpalah dengan orang-orang lama ini dan jangan segan silu untuk mendapatkan nasihat atau 'tips' berguna tentang cara bekerja atau apa sahaja pandangan dan buah fikiran yang boleh dijadikan panduan. Saya percaya tugas-tugas dalam 'arena udara' ini besar risikonya dan kita sama sekali tidak boleh melakukan kesilapan. Dari itu, teruslah bertanya dan belajar dan insyaAllah tuan-tuan akan beroleh ilmu yang berguna. Sesungguhnya Jabatan kita seringkali menerima pujian dan penghargaan dari pelbagai pihak luar diatas kejayaan kita melakukan kerja operasi pemadaman dan penyelamatan. Bagi Unit Udara pula, kejayaan kita melakukan misi-

misi bantuan kecemasan dan bantuan kemanusiaan selama ini menjadikan Unit Udara begitu dihormati dan warga Jabatan Bomba sangat berbanggan dengan adanya Unit Udara ini. Penghormatan ini menyebabkan warga jabatan bomba seringkali diutamakan dalam mana-mana perkhidmatan kerajaan contohnya seperti di Hospital dimana pegawai kita diutamakan dengan syarat kita memakai uniform. Sesungguhnya keyakinan dan penghormatan yang telah terbina bukan mudah dan kita seharusnya bersyukur dan akan mengekalkan penghormatan ini.

Tuan-tuan dan puan-puan saya hormati sekalian

2. Seperti yang tuan-tuan sedia maklum, saya akan bersara pada 12 haribulan ini dan sepanjang perkhidmatan, Unit Udara yang terletak secara langsung dibawah tanggungjawab saya, telah pun kita cuba sedaya upaya untuk terus tambah baik dari masa ke semasa samada dari segi perjawatan, latihan dan juga perolehan pesawat baru. Saya berharap warga Unit Udara yang dibarisi oleh Juruterbang berpengalaman, pegawai AQM, *Air Jumper* dan MUST team akan terus setia dan memberikan perkhidmatan yang terbaik untuk jabatan. Tidak lupa juga saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada

Pengurusan Tertinggi pihak Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) diatas bimbingan dan kerjasama yang diberikan selama ini. Saya berdoa agar Unit Udara Bomba akan terus gemilang pada masa-masa yang akan datang. Walaupun telah bersara nanti, perhubungan kita tidak akan terhenti semata-mata kerana saya telah berhenti melakukan kerja-kerja pejabat. Teruslah berhubung antara satu sama lain dan kita terus menjalin hubungan persahabatan yang akrab. Kalau ada yang hendak mendapat menantu atau Majlis kesyukuran atau apa sahaja majlis, janganla lupa jemputlah saya sekali. InsyaAllah saya akan hadir jika berkesempatan.

**Tuan-tuan dan puan-puan saya hormati
sekalian**

**saya mengambil kesempatan ini untuk
memohon maaf bagi diri saya dan keluarga
saya di atas segala kesilapan jika ada
kesilapan kepada tuan-tuan dan puan-puan
selama saya berada dalam jabatan. Jika ada
kesalahan tuan-tuan pula terhadap saya,
saya telah pun maafkan.**

**Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati
sekalian,**

Akhir kata, saya sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada semua warga Unit Udara Bomba di atas penganjuran Majlis ini. Saya sudah dengan Wabbillahhi Taufiq Wal Hidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Terima kasih.